

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
"Rumah Ku, Syurga Ku"

Diterima dan direkodkan
pada 21 JAN 2000



BIL: 5/2000

ISSN 012-5912

NASKAH PERCUMA

*NOVEMBER 2000



HARI HABITAT SEDUNIA 2000

Wan Abdullah Ghani

Sambutan Hari Habitat Sedunia itu diadakan bagi memperingati satu peristiwa pada tahun 1986, United Nations Centre For Human Settlements telah mengadakan satu perhimpunan untuk mereka yang tidak memiliki rumah, keadaan persekitaran yang tidak sempurna dan pembangunan Bandar yang tidak mementingkan golongan-golongan yang lemah seperti kanak-kanak dan orang tua. Minggu pertama bulan Oktober setiap tahun ditetapkan sebagai Sambutan Hari Habitat Sedunia.

Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2000 bertujuan memperingati mereka yang tidak memiliki rumah, ketidaksempurnaan tempat tinggal dan keadaan persekitarannya yang tidak sepadan dengan status manusia. Hari Habitat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti antarabangsa berkaitan dengan petempatan manusia menyahtu seruan United Nations Center For Human Settlements (UNCHS-Habitat). Di samping itu, ia juga bertujuan mencari jalan untuk memperbaiki keadaan kehidupan manusia dan kawasan tempat tinggal agar dapat hidup dalam keadaan suasana yang bersih, selamat, berkualiti dan mampan.

Sambutan ini juga berhasrat untuk menyedar dan mengingatkan kita akan komitmen negara

semasa Persidangan Habitat II di Istanbul (Agenda Habitat) pada tahun 1996, antara lain untuk memastikan rumah yang disediakan mencukupi untuk semua pembangunan petempatan manusia mampan.

Di samping itu, sambutan kali ini yang bertemakan "Wanita Dalam Tadbir Urus Bandar" memberi mesej bahawa kerajaan harus terus memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada kaum wanita untuk membuktikan potensi mereka dalam pengurusan perbandaran khususnya dan pembangunan negara amnya. Di antara perkara yang perlu diutamakan adalah penglibatan lebih ramai wanita dalam membuat keputusan tentang pengurusan bandar dan mengatasi masalah-masalah yang melibatkan wanita di Bandar. Oleh itu bagi mencapai pembangunan perbandaran yang mampan, wanita mesti dilibatkan secara langsung dalam membuat keputusan tentang bagaimana Bandar wajar diurus.

Walaupun negara ini tidak begitu ketara dalam masalah petempatan manusia tetapi Malaysia tidak terkecuali daripadanya yang turut menyambut hari tersebut bertujuan menyedarkan semua pihak akan nilai-nilai murni agenda Habitat iaitu memastikan

semua penduduk perlu mempunyai tempat tinggal yang mencukupi, sempurna, berkualiti, bersih dan mampan.

Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2000 dengan tema Wanita dalam Tadbir Urus Bandar di PPR Desa Tun Razak dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting baru-baru ini.

Kerajaan telah mengaturkan pelbagai program dan aktiviti dengan kerjasama beberapa kementerian, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan untuk menjayakan lagi sambutan bukan sahaja pada hari tersebut tetapi sepanjang bulan Oktober.

Antara program-program yang telah diaturkan adalah seminar, bengkel, dialog, penyerahan projek rumah golongan berpendapatan rendah dan program di media massa. Memandangkan tema pada tahun ini memberi penekanan kepada peranan wanita dalam tadbir urus bandar maka pelbagai aktiviti juga telah diaturkan khusus bagi wanita untuk memberi kesedaran akan pentingnya wanita dilibatkan secara langsung dalam membuat keputusan bagi mencapai pembangunan perbandaran yang mampan.

KEHIDUPAN YANG LEBIH MURNI

Kehidupan yang lebih murni di kawasan Perumahan Awam DBKL adalah merupakan cita-cita yang telah dipupuk sekian lama oleh Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL. Kehidupan murni di rumah kita bermakna bagaimana warga rumah kita mewujudkan suatu persekitaran yang selesa, selamat dan sejahtera serta kemas dan bersih bukan sahaja aspek luaran tetapi aspek dalamnya juga.

Kedadaan yang kemas dan bersih akan menjadi lebih baik sekiranya semua golongan tanpa mengira latarbelakang dan kedudukan untuk bersama-sama secara sukarela memupuk hubungan baik dan silaturrahim yang erat antara sesama jiran tetangga.

Akhirnya matlamat menjadikan masyarakat rumah kita ke arah masyarakat yang bertoleransi, bertanggungjawab, bekerjasama, kukuh perpaduannya dan hormat menghormati antara satu sama lain akan lebih cepat di capai melalui beberapa program yang dijalankan secara bersepadu antara pihak DBKL, persatuan-persatuan dan badan sukarela yang sedia ada.

Sebarang usaha DBKL ke arah mempertingkatkan keindahan dan kebersihan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa sokongan dan penglibatan sama masyarakat rumah pangsa awam. Menyedari hakikat ini DBKL sentiasa mengatur program dari semasa ke semasa seperti Kempen Kehidupan Murni untuk membolehkan warga rumah kita turut melibatkan diri dan menyumbang ke arah hasrat murni ini seperti kawalan keselamatan, aktiviti dalam masyarakat dan gotong royong membersihkan kawasan.

DBKL dengan kerjasama persatuan penduduk rumah awam sentiasa mengadakan gotong royong membersihkan kawasan dan pertandingan bersih dan indah dari tahun ke tahun serta menjadikan taman-taman perumahan awam sebagai kawasan sasaran utama gotong royong, memandangkan tahap kebersihan dan pengindahan di kawasan

itu perlu dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Pada keseluruhannya tahap kebersihan Perumahan Awam DBKL telah banyak berubah berbanding dengan keadaan beberapa tahun dahulu. Jabatan Pengurusan Perumahan telah dapat menjalankan tugas menjaga kebersihan rumah pangsa dengan cemerlangnya, namun terdapat juga kawasan tertentu yang masih mengabaikan kebersihan dan keindahan kawasan.

Namun sikap warga rumah kita yang menggunakan tanah lapang, longkang atau lif sebagai tempat membuang sampah perlu dihindarkan. Warga rumah kita harus lebih prihatin dan bersama-sama mencintai kawasan kediaman masing-masing. Mereka perlu diberi kesedaran tentang pentingnya kawasan perumahan mereka sentiasa bersih dan indah.

Jika semua warga kota bertanggungjawab dan tidak membuang sampah ikut sesuka hati, DBKL dapat menjimatkan belanjawan kutip sampah dan lebihan itu boleh disalurkan kepada projek-projek perumahan awam kos rendah, aktiviti masyarakat atau taman rekreasi dan kemudahan sukan. Peruntukan yang disediakan oleh DBKL setiap tahun akan hanya menjadi sia-sia, selagi warga rumah kita bersikap dingin dan tidak memberi kerjasama yang wajar. Mereka perlu bersikap positif dan tidak lagi membuang sampah merata-rata atau melontarkan plastik sampah dari tingkat Rumah Awam DBKL sebagai jalan mudah dan menjadi amalan biasa.

Warga rumah kita perlu bersedia menjaga dan menghayati kebersihan dan keindahan sepanjang masa. Sekiranya sentiasa dipupuk dan diberi kesedaran yang berterusan, penduduk Perumahan Awam Kuala Lumpur sentiasa membantu usaha ke arah peningkatan dengan melibatkan diri secara menyeluruh dalam usaha mempertingkatkan kebersihan dan keindahan persekitaran.

Akhirnya saya mengucapkan selamat berpuasa kepada warga rumah kita.



TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

Pengedaran

Mohd Rushdan bin Mohd Ishak
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Tel. No. 03-2938166 sambungan 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan	- 26938166
Perumahan	smb. 125/126
Pej. Zon 1	- 9734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur

Pertandingan Street Soccer P. A. DBKL Peringkat Zon



Pertandingan Street Soccer Peringkat Zon 1. Tn. Hj. Salleh Yusup menyampaikan hadiah kepada pasukan yang berjaya di P.A. Sri Johor.



Pertandingan Street Soccer Peringkat Zon 2. En. Zainuddin Md. Zain menyampaikan hadiah kepada johan bawah 12 tahun di P.A. Sri Sarawak.



Pertandingan Street Soccer Peringkat Zon 3. Encik Saringat Hj. Adnan (bertopi) bersama para pemenang bawah 16 tahun dan 12 tahun.



Pertandingan Street Soccer Peringkat Zon 4. En. Othman Johari (duduk ditengah-tengah) bersama johan bawah 12 tahun di PPR Gombak Setia.



PENDIDIKAN AGAMA

SIRI KETIGABELAS

Oleh: Encik Abd. Latif b. Hj. Idris.
Pengerusi Lembaga Pentadbiran & Pngasas Sekolah Rendah Agama Al-Ridhwan Perumahan Awam Sri P. Pinang, Cheras.

memerintahkan kepada setiap orang supaya bersikap sopan santun terhadap Ibu bapanya. Seseorang itu tidak boleh menyakiti hati dan melukai perasaan kedua Ibu Bapanya.

- Ajaran Islam memandang dutuaka kepada kedua Ibu Bapa itu sebagai suatu dosa besar, yang Allah sendiri tidak akan memberi keampunan, bilamana keduanya tidak berkenan memberi ampun kepada anaknya.
- Kita dikehendaki berbudi bahasa kepada keduanya.

Hikmah sopan santun

Ajaran ini mengandungi berbagai hikmah tertentu, diantaranya ialah untuk menghargai jasa keduanya yang telah melahirkan kita menjaga dan mendidik kita hingga dewasa, mereka jualah yang telah memberi makan dan minum serta segala keperluan hidup kita, mereka curahkan segala kasih sayangnya kepada anak-anaknya, mereka memberi pelajaran dan perbelanjaan sampai seseorang itu telah mampu untuk hidup sendiri. Selanjutnya sifat sopan santun juga dapat menimbulkan serta merapatkan kasih sayang antara anak dan Ibu Bapa.

Dalam sebuah hadisnya Rasulullah bersabda yang bermaksud:

“Orang yang tiada berhati kasih, iapun tiada dikasihi sayangnya.”

Di samping bersopan santun kepada kedua Ibu Bapa, kita juga dikehendaki bersopan santun dalam pergaulan sehari-hari, sama ada dengan teman sebaya, dengan orang yang lebih kecil atau dengan orang yang lebih tua dari kita. Dalam hal ini

Rasulullah bersabda bermaksud:

“Bukanlah golongan kami orang yang tiada memuliakan orang yang tua-tua tiada menyayangi orang kecil-kecil kami.

Sifat sopan santun itu membawa faedah dan keuntungan yang banyak bagi kita selaku manusia sama ada dalam pergaulan ataupun dalam pekerjaan, faedah-faedahnya antara lain:

- Sopan santun menjadikan seseorang itu disukai orang.
- Sopan santun menjadi benteng kepada sifat pemaarah.
- Sopan santun mendorong seseorang untuk bersifat pemaaf
- Sopan santun membimbing seseorang itu untuk berkata lemah lembut, dan tutur kata yang manis.
- Sopan santun melambangkan ketinggian akhlak seseorang.

Demikianlah faedah sopan santun, yang sangat diutamakan oleh Islam. Oleh yang demikian hendaklah kita sentiasa memelihara perkataan, kelakuan dan gerak-geri kita dalam pergaulan, semoga sifat yang mulia ini dapat kita jadikan suatu pegangan hidup dalam pergaulan.

Amat berbahagialah seseorang itu apabila ia lahir ke dunia disambut dengan bertakwa, dan melepaskan pemergiannya dengan berhurai air mata, tetapi amatlah malangnya seseorang insan dikala lahirnya disambut dengan ketawa, dan melepaskan pemergiannya dengan kegembiraan.

Sopan Santun

Pengertian Sopan Santun

Yang dikatakan sopan santun ialah “berbudi pekerti yang baik”, dalam hal ini termasuk lemah lembut serta beradab. Sopan santun juga dapat diertikan sebagai “suatu sifat saling menghargai antara satu sama lain”, orang yang mempunyai sifat sopan santun disebut sebagai seorang penyantun. Di dalam pelajaran akhlak sopan santun ini disebut dengan “Hilmun”. Sifat sopan santun seseorang itu dapat dilihat daripada tingkah lakunya, tutur bahasa dan gerak-gerinya dalam pergaulan. Ajaran Islam sangat mengutamakan sifat sopan santun ini, terutama kepada kedua ibu bapa kita, sesuai dengan firman Allah dalam Al-Quran surah Al-Isra’ ayat 23 yang bermaksud, “Maka janganlah engkau katakan kepada kedua ibu bapa kamu perkataan “ah” tetapi katakanlah kepada keduanya perkataan yang memuliakan keduanya. Dari pengajaran ayat Al-Quran itu dapat dipetik pengertian bahawa Allah